

Kewujudan sebuah republik tak akan berlaku di Malaysia: Sanusi

IPOH, Ahad — Kewujudan sebuah republik di Malaysia tidak akan berlaku jika ia bertentangan dengan kehendak rakyat, walau macam mana pun perlembagaan negara dipinda, tegas Datuk Haji Sanusi Junid hari ini.

Tetapi, katanya, negara ini boleh menjadi sebuah republik jika rakyat berkehendakkan demikian tanpa perlu pindaan terhadap perlembagaan.

"Kerana salah tafsiran dan anggapan, masyarakat telah disalahfahamkan yang perlembagaan telah menjamin tiada kewujudan republik di negara ini.

"Sebenarnya, rakyat sendiri yang menjamin ketidakwujudan sebuah republik di negara ini," kata beliau kepada para pemberita di sini hari ini.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar itu menerangkan ketika mengulas salah tafsiran dan anggapan beberapa pihak terhadap pindaan perlembagaan yang menjadi isu hangat sekarang.

Datuk Haji Sanusi

yang juga Ketua Pengerangan Umno Malaysia berkata, kekeliruan dan salah anggapan terhadap isu pindaan itu adalah disebabkan surat terbuka Datuk Senu Abdul Rahman yang juga turut terkeliru.

Katanya, perkara ini menjadi heboh disebabkan Datuk Senu dan konco-koncunya serta mungkin orang-orang yang ingin melihat isu BMF ditenggelamkan untuk kepentingan peribadi masing-masing.

Ketika mengulas beberapa aspek mengenai pindaan perlembagaan itu, Datuk Haji Sanusi berkata, ia adalah bertujuan untuk memastikan perhubungan mesra di antara raja-raja dengan rakyat akan terjamin.

Beliau mengambil contoh mengenai pengisytiharan darurat yang dibuat oleh Seri Paduka di atas nasihat Perdana Menteri.

Katanya, dengan mensyaratkan demikian, sebarang kesilapan yang berlaku akan dipertanggungjawabkan kepada Perdana Menteri